ISLAM DAN ZAMAN MODEN

'Allamah Muhammad Husayn Tabataba'i

Pengedar
SYARIKAT S. ABDUL MAJEED
No. 2210, Malayan Mansion,
Kuala Lumpur.
Tel: 929274

ISLAM dan Zaman Moden

'Allamah Muhammed Husayn Tabataba'i

PUSTAKA AL-ALAMI
Kuala Lumpur

© Hakpenerbit terpelihara. Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa bentuk jua pun tanpa terlebih dahulu mendapatizin bertulis dari PUSTAKA AL-ALAMI Kuala Lumpur.

ISLAM DAN ZAMAN MODEN

'Allamah Muhammad Husayn Tabataba'i

Terjemahan
SHAMSUDDIN JAAFAR
P.J.K., Dip. Pent. (UM)

© PUSTAKA AL-ALAMI 1985
Edisi Pertama 1985

ISBN 967-99959-1-7

Diterbitkan oleh:
PUSTAKA AL-ALAMI
Unit 51-2, Tingkat 2, Wisma Datuk Dagang,
Jalan Raja Alang,
Kuala Lumpur.

Dicetak oleh
Lian Yew Printing Press
Kuala Lumpur

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

TABIAAT ALAM

Memandangkan kadar kemajuan yang mengkagumkan hari ini, dapatkah seseorang itu benar-benar mempercayai bahawa Islam berupaya menampung segala keperluan zaman moden ini? Hari ini, ketika manusia, dengan menggunakan kekuatan takkulannya, sedang menaklukki planet dan mereka mampu untuk mengembara jauh ke dalam ruang angkasa, bukankah telah sampai waktunya kita menghapuskan dogma-dogma purba seperti itu dan menumpukan seluruh perhatian dan keazaman kita mengejar kemenangan-kemenangan yang cemerlang, mengejar cara hidup moden yang sofistikated?

Sebelum menjawab soalan-soalan ini, saya kira adalah penting untuk menyebutkan perkara ini dahulu: Memanglah benar bahawa kita manusia ini lebih suka memilih yang baharu daripada yang lama. Kita sentiasa memberikan keutamaan kepada model sesuatu yang baharu daripada sesuatu bentuk yang lebih lama. Tetapi generalisasi ini tidak boleh digunakan kepada semua keadaan dan amalan. Kita tidak boleh mengatakan bahawa oleh kerana formula yang sudah terkenal seperti $2 \times 2 = 4$, yang telah digunakan oleh manusia beribu-ribu tahun lamanya itu dikatakan telah usang; dan yang demikian ia harus diketepikan; atau samalah seperti kita tidak boleh mengatakan bahawa sistem membentuk kehidupan sosial itu telah usang dan tidak kemaskini lagi, maka ia terpaksa dihapuskan dan suatu stail kehidupan individu harus diwujudkan; atau, kita tidak boleh mengusulkan bahawa kod awam itu menghambat atau membataskan kebebasan individu dan sudah menjadi kuno, dan undang-undang membelenggu manusia, juga menghalang dalam suatu zaman sewaktu menusia sedang ghairah menaklukki ruang angkasa dengan melancarkan kapal-kapal angkasa ke orbit planet-planet yang berlainan untuk membongkar rahsia sawarjagat, yang demikian lowongan baharu haruslah diteroka untuk manusia dan manusia haruslah dibebaskan daripada belenggu undang-undang dan cengkaman mereka yang menguat-kuasakan undang-undang itu. Segala-galanya itu kelihatan seolah-olah melucukan, oleh kerana pengertian seperti 'lama' dan 'baharu' itu hanya

memberi makna apabila ia digunakan di dalam konteks angkubah, objek-objek tak kekal yang akan kehilangan kesegaran dan keindahannya di bawah pengaruh masa dan perubahan yang memusnahkan. Akibatnya, ketika kita sedang terlibat dalam suatu perbincangan yang serius, yang berdasarkan kepada suatu pendekatan yang realistik, dan memandang berat tentang hukum-hukum alam dan sistem kewujudan (salah satu daripada isunya ialah sama ada Islam dapat memenuhi tuntutan manusia dari keadaan hari ini), kita tidak harus terlalu banyak mengalah kepada perbezaan retorik antara yang lama dan yang baharu. Perbezaan seperti itu sudah tentu mempunyai tempat dan waktunya yang tersendiri, dan sudah pasti tidak sesuai dengan perbincangan ini.

Soal sama ada Islam dapat menampung segala kehendak manusia atau sebaliknya dari keadaannya sekarang dengan sendirinya merupakan sesuatu yang anih. Keanihannya menjadi bertambah ketara apabila ia diletakkan ke dalam konteks makna Islam yang sebenarnya di mana Quran itu menjadi dasarnya; oleh kerana Islam itu merupakan sinar yang membolehkan manusia mengenal sistem pewujudan alam ini. Islam memperuntukkan undang-undang seperti itu untuk manusia supaya selaras dengan tabii manusia dan cukup harmonis dengan keperluan manusia yang sebenarnya secara naluriah — sungguhpun tidak ada 'keperluan' seperti itu sepertimana yang digambarkan oleh imaginasi dan perubahan. Jelaslah bahawa tabii manusia itu adalah sama dan akan tetap serupa sepanjang manusia itu wujud, tanpa mengira waktu dan tempat ataupun cara hidup mereka. Alam semulajadi telah menghamparkan lorong di hadapan mereka, maka terpulanglah kepada mereka sama ada mereka terima atau menolak lorong itu untuk mereka dijalaninya.

Berdasarkan kepada asas ini, soalan yang disebutkan di atas itu bolehlah dikemukakan bagini: jika manusia itu bertindak mengikut jalan yang telah ditunjukkan oleh alam semulajadi, apakah ada jaminan yang mereka dapat mencapai kebahagiaan dan kenikmatan yang dituntut oleh sifat mereka?

Islam adalah sinar alam semulajadi, dan yang demikian, ia menjadi jalan yang kekal dan tidak berubah bagi manusia untuk mengikutinya. Hukum-hukumnya yang tidak berubah itu mengesahkan keinginan jasmaniah dan semulajadi yang sah, dan memimpin mereka ke arah matlamat kebahagiaan dan kenikmatan.

Quran berfirman:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفاً فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ...

Maksudnya: Maka hadapkanlah dirimu ke arah ugama yang jauh dari kesesátan; "ugama Allah" — iaitu ugama yang Allah menciptakan manusia untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah ugama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

(Al-Ar-Rum 30)

Kita tahu bahawa ada beberapa jenis organisme kehidupan yang berlainan dalam seluruh dunia ciptaan Tuhan ini. Setiap satunya mempunyai tempuh hidup dan suatu matlamat perkembangan yang tertentu. Kesejahteraan dan kebahagiaan bergantung kepada kemampuannya untuk bertahan dan menentang unsur-unsur yang membahaya dan merosakkan yang mengancamnya dalam tempuh hidupnya yang singkat itu. Ini bermakna bahawa organisme yang hidup itu boleh mencapai matlamatnya dan memilih lorong hidup dengan menggunakan berbagai sumber yang digabungkan ke dalam struktur mereka tanpa banyak bahaya.

Semasa menjalani arus perkembangan biologinya, biji gandum terpaksa melalui peringkat-peringkat tertentu untuk mencapai puncak pertumbuhannya. Bahagian-bahagian juzuk dan mekanisme biologi dengan cara bereaksi terhadap keadaan-keadaan persekitaran dan dengan menyerap unsur-unsur khusus yang tertentu dalam proporsi yang tetap yang perlu untuk pertumbuhan dan perkembangannya, memandunya ke arah matlamat kedewasaannya. Semaian biji gandum tidak merubah cara pertumbuhan dan perkembangannya yang semulajadi yang telah ditetapkan itu. Tidak mungkin pokok gandum, selepas menjalani suatu peringkat perkembangan tertentu, tiba-tiba berubah menjadi sepohon epal dan mula mengeluarkan dahan, daun dan bunga. Tidak mungkin juga ia mengubah arahnya untuk menjadi burung lelayang dan mula mengeluarkan bulu dan paruh dan mula mengepak-ngepakkan sayapnya untuk belajar terbang. Ini adalah hukum umum dan sawarjagat yang berlaku dalam setiap jenis kehidupan. Manusia juga tidaklah terkecuali daripadanya. Dalam kehidupan semulajadinya, ma-

nusia juga terpaksa melalui peringkat-peringkat yang tertentu dan menjadi sifatnya untuk mencapai matlamat kesempurnaan dan mencapai tingkat kesempurnaannya yang tertinggi. Pembentukannya begitu rupa bahawa dengan bantuan cara yang boleh didapati dan 'subtle' dan sumber-sumber tertentu, mereka itu boleh mencapai puncak kedewasaannya.

Mengenai ciri-ciri panduan umum semulajadi ini, Quran menyatakan:

قَالَ رَبُّنَا الَّذِى اَعْطٰى كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ ثُمَّ هَدٰى ۞

Maksudnya: *"Tuhan Kami ialah yang telah memberikan kepada tiap-tiap sesuatu: kejadian tabi'inya yang sesuai dengannya, kemudian Ia memberi pertunjuk kepadanya akan cara menggunakannya".*

(Al-Taha: 50)

Allah swt berfirman lagi:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوّٰيهَا ۞ فَاَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوٰيهَا ۞ قَدْ اَفْلَحَ مَنْ زَكّٰيهَا ۞ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسّٰيهَا ۞

Maksudnya: *Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa; Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya — yang sedia bersih — bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya — yang sedia bersih — itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran ma'siat).*

(Al-Asy-Syams: 7—10)

Seharusnya jelaslah sekarang bahawa lorong sebenar kehidupan manusia yang memandu manusia ke arah kebahagiaan sebenar sebenarnya lorong yang ditunjukkan oleh alam. Ia dimaksudkan untuk keberuntungan dan kejayaan mereka, dan ia selaras dengan hukum-hukum ciptaan manusia dan sawarjagat ini. Lorong ini mungkin atau tidak mungkin menurut pilihan sentimen dan emosi individu; bahkan perasaan dan keinginan mereka sendiri perlu mematuhi kehendak alam dan harus berharmo-

ni dengannya. Lagipun, sebuah masyarakat manusia haruslah didirikan di atas asas realisme yang kukuh dan tidak berasaskan kepada keunggulan yang palsu, lemah dan goyah.

Di sinilah letaknya perbezaan di antara hukum-hukum Islam dengan lain-lain kod awam itu. Undang-undang sosial biasa dibuat mengikut kehendak majoriti individu dalam masyarakat (iaitu 50 peratus + 1), sedangkan hukum-hukum Islam telah dirumuskan menurut penentuan alam dan naluriah, yang mewakili Kehendak Ketuhanan. Sebab itulah Quran yang Suci itu khusus memperuntukkan semata-mata untuk Tuhan. Katanya:

... اِنِ الحُكْمُ اِلاَّ لِلّٰهِ...

Maksudnya: *Sebenarnya hukum hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia.*

(Al-Yusuf: 40)

.... وَمَنْ اَحْسَنُ مِنَ اللّٰهِ حُكْماً لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ *

Maksudnya: *Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum Jahiliyah? Padahal — kepada orang-orang yang penuh keyakinan — tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah.*

(Al-Maa'idah: 50)

Apapun yang pada umumnya diamalkan dalam sebuah masyarakat manusia biasa sama ada ia menurut kehendak sebahagian besar individu, ataupun menurut kemahuan seorang diktator yang berkuasa penuh, tanpa mengira sama ada ia selaras dengan prinsip-prinsip keadilan dan kepentingan sebenar masyarakat itu atau tidak, tetapi dalam masyarakat Islam yang sebenarnya, kekuasaan tetap menjadi milik kebenaran dan keadilan dan individu terletak di bawahnya.

Satu lagi salah faham yang memerlukan penjelasan ialah tentang pengertian bahawa Islam kononnya tidak cocok dengan semangat sosial masyarakat manusia zaman moden, yang sedang menikmati segala macam kebebasan dan kemakmuran yang tidak dapat meletakkan dirinya kepada jenis batasan yang wujud dalam Islam.

Tentulah, dengan keadaan yang berlaku dalam keruntuhan moral dalam semua kehidupan manusia, dan segala jenis amal-

an korup dan ketidak-adilan yang merendahkan darjat masyarakat manusia, membahayakan kewujudan mereka, kita dapati sangat lemah daya tarikan antara semangat Islam dengan kemanusiaan yang malang, dan terpesung hari ini. Sebagai kepastian, sementara kita masih dalam keadaan seperti itu, kita tidak dapat mengharapkan bahawa penggunaan sebahagian dari Islam dapat digunakan untuk menyelamatkan kemanusiaan dengan berkesannya. Ia samalah seperti mengharapkan manfaat demokrasi dari sebuah regim diktator dengan lebel demokrasi terlekat pada namanya.

Tetapi jika kita mengambil pertimbangan mengenai sifat manusia yang bernaluri dan Islam — yang ianya sendiri adalah suatu manifestasi alam — maka kita masih dapat mengharap untuk mencari suatu keharmonian dan kesesuaian yang sempurna antara kedua-duanya. Bagaimanakah mungkin tidak ada harmoni seperti itu dapat wujud antara kedua-duanya?

Tentulah sebagai akibat suatu pandangan yang diputar-belit dan dipesungkan, yang menjadi akibat daripada sikap membazir generasi-generasi terbaharu, telah berlaku pemutusan hubungan antara kedua-duanya. Bagaimanapun, cara yang paling bijak untuk mengatasi keadaan yang bertentangan ini ialah dengan melancarkan perang untuk memusnahkannya, supaya dengan itu asas dapat disediakan untuk penyatuan semula. Kita tidak harus berputus asa jika manusia telah terpesung daripada lorong alam. Kita hendaklah meletakkan harapan terhadap kemampuan manusia. Sejarah menjadi saksi tentang bagaimana setiap pergerakan atau regim baharu itu terpaksa berhadapan dengan tentangan oleh wakil-wakil tenaga lama zaman sebelumnya. Hanya selepas suatu perjuangan 'undur-mara' yang lama dan ada kalanya melalui konflik berdarah baharulah mereka dapat membuka jalan dalam masyarakat untuk diri mereka sendiri dan menghapuskan kenangan terhadap sistem yang bertentangan dari pemikiran orang ramai.

Demokrasi itu sendiri yang telah dianggap sebagai pilihan yang paling berjaya oleh para pendukungnya dan telah diwujudkan melalui sokongan orang ramai sebahagian besarnya, telah diwujudkan selepas melalui suatu perjuangan berdarah. Revolusi Perancis dan lain-lain revolusi wujud dengan cara ini. Regim komunis, yang menurut Marxis, merupakan sistem politik manusia yang paling 'progressif' dan anugerah sejarah yang pa-

ling 'gemilang', telah diwujudkan melalui pertumpahan darah yang paling dahsyat yang mengorbankan berjuta-juta jiwa. Rusia, dan kemudian banyak negara di Eropah, Asia dan Amerika Latin, telah memperlihatkan gambaran serupa ini.

Seterusnya, penentangan yang pada mulanya ditunjukkan dalam sesebuah masyarakat tidaklah membuktikan ketidak-stabilan atau keburukan mana-mana sistem sosial yang dicadangkan. Islam masih wujud dan ia mempunyai kemampuan sepenuhnya untuk dilaksanakan dalam masyarakat hari ini.

Sekarang saya akan teruskan perbincangan dengan membicarakan perkara ini dengan lebih meluas dan menganalisanya.

Islam dan Keperluan Sebenar Setiap Zaman

Kepentingan dan nilai setiap gagasan saintifik bergantung kepada nilai pratiknya dalam kehidupan. Gagasan yang paling primitif dan sederhana sifatnya seperti minum air, dan memakan makanan, mengisi suatu tempat yang penting dalam kewujudan manusia; iaitu walaupun ia kelihatan amat sederhana namun ia adalah penting seperti kehidupan itu sendiri. Satu gagasan yang jelas seolah-olah sangat sederhana dan remeh ialah gagasan tentang keperluan kehidupan sosial dan bersama; ia mempunyai kepentingan yang sama dalam sejarah manusia sepertimana peradaban manusia itu sendiri. Gagasan inilah yang menyelaraskan pada setiap saat, berjuta-juta perbuatan manusia antara satu dengan yang lain dan setiap hari menghasilkan berbilion-bilion kesan yang diingini dan tidak dikehendaki. Jelaslah, persoalan sama ada suatu agama seperti Islam boleh menampung atau tidak terdap **semua** keperluan manusia dalam **setiap zaman** sangatlah penting sehinggakan tidak ada lebih penting yang mungkin dapat dibayangkan.

Hampir-hampir setiap individu Muslim mengenali setengah-setengah undang-undang Islam. Seperti bahan intelektual keagamaan lain yang telah dihasilkan oleh Islam, senarai konsep ini telah tersimpan dalam pemikiran para pengikutnya dari abad ke abad. Ia telah dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi sebagai suatu warisan keagamaan. Bagaimanapun, seperti tinggalan keagamaan lain, warisan ini telah tinggal bagitu sahaja dalam pemikiran individu tanpa digunakan dengan betul, tanpa dipersoalkan dan diperiksa.

Jika kita orang Timur cuba mengenangkan kembali sejarah zaman nenek moyang kita, kita dapat melihat bahawa

selama beribu-ribu tahun lamanya regim-regim yang memerintah kita itu tidak pernah memberikan kita kebebasan berfikir, terutama sekali dalam soal-soal ilmu atau sosial. Suatu sinar harapan terpancar buat seketika dalam zaman permulaan Islam melalui usaha Rasulullah yang membawakan khabar dari subuh yang jauh, bahawa telah hilang dalam kegelapan malam segala penindasan yang berabad-abad lamanya, yang dilakukan oleh beberapa orang pemerintah kukubesi yang hanya mementingkan diri sendiri. Sekali lagi kita berada dalam keadaan perhambaan dan terbelenggu. Kita disiksa dan terus berada dalam kesengsaraan di dalam bilik-bilik gelap yang seperti di dalam neraka, layaknya dengan mengulang-ngulang ucapan lapuk: 'Ya! Ya Tuan! Ya Tuanku! Ya paduka yang mulia!

Sesiapa yang lebih bijak hanyalah berupaya menjaga dan mempertahankan bahan-bahan keagamaan dalam keadaan yang utuh dan menyimpannya untuk generasi yang lebih beruntung kemudiannya. Lebih-lebih lagi, pemerintah-pemerintah dalam zaman itu tidak pernah mau mengalakkan sikap seperti itu untuk mengelakkan dari berlakunya perbincangan secara terbuka mengenai isu-isu dalam masyarakat. Apa yang menjadi perhatian pemerintah di zaman itu ialah bahawa rakyat mereka hendaknya sentiasa sebuk bekerja sehingga mereka tidak dapat hendak meninggalkan tempat mereka. Sementara orang ramai tenggelam dengan soal-soal peribadi mereka, pentadbiran masyarakat menjadi tanggungjawab para pemerintah dan tokoh-tokoh masyarakat yang melantik diri mereka sendiri. Mereka tidak berasa gundah terhadap minat orang ramai terhadap bahan keagamaan yang agak sederhana. Mereka hanya mahukan rakyat supaya menjauhi perbincangan secara bebas yang menimbulkan banyak soal-jawab. Mereka menganggap diri merekalah sebagai tokoh-tokoh pemikir masyarakat waktu itu.

Mereka memanglah telah lama menyedari bahawa sumber kekuatan yang paling berkuasa dalam kehidupan sosial ialah keazaman individu manusia, dan kuasa ini telah dapat dimanfaatkan oleh para pemerintah dengan cara mengawal fikiran mereka. Sebagai akibatnya, semua usaha telah ditumpukan untuk membelenggu pemikiran orang ramai supaya dengan itu pemerintah boleh menjadi intelek masyarakat yang aktif. Inilah fakta-faktanya, kalau sesiapa membuka lembaran sejarah zaman

lampau akan menemuinya tanpa bersusah payah membuat kajian.

Akhir-akhir ini, kebanjiran unsur "kebebasan" Barat, setelah menhanyutkan orang Eropah, sedang melanda bumi di sebelah Timur ini pula. Pada mulanya ia meminta keizinan untuk masuk ke benua kami sebagai tetamu, kemudian ia menjadi tuan yang berkuasa di negeri kami sendiri. Pada mulanya ia melaungkan cogan perang terhadap dogmatisme dan penindasan intelektual: Kehadiran pemihak kebebasan seolah-olah memberikan suatu kesempatan yang baik kepada kami untuk mengembalikan maruah yang hilang dan untuk memulakan suatu kecemerlangan kehidupan intelek yang baharu dan untuk mengumpulkan ilmu yang sudah tercicir dan bertindak. Tetapi malang sekali, kebebasan Eropah yang sama yang menyelamatkan kami dari cengkaman penindas mengambil tempat menjadi "pemikir aktif" kami pula.

Kami tidak tahu apa yang hendak kami lakukan. Apabila kami sedar, kami menyedari bahawa waktu telah 'membisukan' tuan-tuan zaman lampau itu dan telah diturunkan dari kedudukan kekuasaan sebagai pemerintah kukubesi yang berdaulat dan aristokrat. Kami diminta supaya jangan memperdulikan lagi kata-kata boneka yang telah pecah itu tetapi sebaliknya kami diminta mendengar dan meniru apa yang dikatakan dan dilakukan oleh orang Eropah itu.

Seribu tahun telah berlalu sejak bumi Iran mengkebumikan jenazah Ibn Sina. Buku-buku falsafah dan perubatan telah tersimpan di dalam perpustakaan kami dan pandangan-pandangan saintifiknya cukup kami hafal walaupun tanpa sebarang hasil.

Tujuh ratus tahun telah berlalu sejak karya-karya matematik dan warisan budaya Khwajah Nasir al-Din al-Tusi menjadi matlamat hidup kami, walaupun tanpa sebarang hasil. Tetapi dengan mengikuti jejak langkah orang-orang Eropah, kami menyertai mereka merayakan ulangtahun yang keseribu tujuh ratus. Lebih dari tiga abad telah berlalu sejak mazhab falsafah Mulla Sadra diikuti di Iran dan gagasan falsafahnya menjadi pokok kajian. Sebaliknya, beratus tahun telah berlalu sejak tertubuhnya Universiti Tehran dan telah memulakan fakulti falsafahnya. Tetapi beberapa tahun yang lalu, ketika suatu persidangan dilangsungkan di sana, salah seorang Orientalis telah menyatakan penghargaannya terhadap Mulla Sadra, dan ini telah menyebab-

kan keributan yang tidak pernah berlaku sebelumnya di universiti itu berhubung dengan peribadi dan pemikiran falsafahnya.

Itu hanyalah beberapa contoh yang dapat menggambarkan sepenuhnya tentang keadaan masyarakat kami dan tabiat intelektual kami. Ini menunjukkan peringkat kebangkrapan intelektual kami dan sikap rendah diri kepada orang lain.

Demikian keadaan sebahagian besar daripada intelektual kami. Sebilangan kecil mereka, yang berjaya mengekalkan kebebasan berfikir dan telah mempertahankan warisan intelektual mereka, menjadi mangsa kepada penyakit personaliti berbelah-bahagi. Mereka itu telah dijangkiti oleh gagasan pemikiran Barat dan dalam waktu yang sama tetap kekal dengan warisan Intelektual Ketimuran mereka. Mereka berusaha dan mencuba untuk mewujudkan suatu tolak-ansur antara dua aliran yang bertentangan dan untuk mewujudkan suatu keharmonian ikatan di antara dua pasangan yang tidak secocok ini.

Salah seorang penulis kami yang berkebolehan cuba untuk menyesuaikan antara tradisi Islam dengan tradisi demokrasi Barat dalam sebuah artikel bertajuk "Demokrasi Keislaman". Seorang lagi penulis berusaha keras untuk menukil pengertian masyarakat tak berkelas dari teks Keislaman, di bawah judul "Komunisme Keislaman"!

Tidakkah ini anih? Seorang harus bertanyakan kepada mereka: jika perkaitan dan keabsahan Islam harus bergantung kepada daya tarikannya kepada "prinsip-prinsip penting" demokrasi atau komunisme, sedangkan demokrasi dan komunisme itu dengan segala kehebatannya telah datang kepada kami dengan kehendaknya sendiri, apakah perlunya bersusah payah untuk melahirkan tolak-ansur antara mereka dan beberapa pengertian abad-keempat-belas yang telah usang?

Jika Islam itu merupakan suatu entiti yang bebas dan hidup dengan sendirinya, apakah perlunya untuk bertolak-ansur terhadap keindahannya yang semulajadi dengan perhiasan-perhiasan palsu yang dipinjam dalam usaha untuk menarik pelanggan-pelanggan?

Dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua, para sarjana Barat dengan penuh minat telah membincang dan mengkaji berbagai-bagai agama dan menerbitkan hasil kajian mereka. Dengan meniru mereka, kita juga mengikuti jalan yang sama dan memilih beberapa aspek tertentu dari agama suci kami sebagai

judul perbincangan dan perdebatan: Apakah semua agama itu benar? Apakah agama 'syurga' itu lebih merupakan sebagai satu siri percubaan dalam pembaharuan sosial? Adakah agama-agama ini mempunyai sebarang tujuan lain selain dari pembersihan roh dan pembetulan moral? Bolehkah upacara dan ibadah agama wujud selama-lamanya dalam masing-masing masyarakat? Apakah agama-agama mempunyai sebarang tujuan selain dari pengenalan upacara dan ibadah? Adakah Islam memenuhi keperluan-keperluan setiap zaman?

Sebenarnya, seorang sarjana yang berhati-hati, sebelum ikut memasukki sebarang kontroversi, terlebih dahulu akan mengesahkan akan kesahihan soalan-soalan yang timbul menurut kriteria saintifik yang telah lama wujud dan hanya selepas itu baharulah dia akan melahirkan pendapatnya. Tetapi para pemikir Barat menganggap agama hanyalah sebagai fenomena sosial, hasil daripada satu siri faktor fizikal, sepertimana masyarakat itu sendiri.

Para pemikir Barat yang merasa agak optimis terhadap agama — termasuklah Islam — mengatakan bahawa ia adalah pertembungan mental sekumpulan manusia genius, yang di bawah pengaruh jiwa yang jernih, pemikiran yang cemerlang dan azam yang gigih, telah menyusun undang-undang moral yang tertentu dengan tujuan membaikki masyarakat mereka. Undang-undang ini berkembang secara beransur ansur selaras perkembangan masyarakat-masyarakat manusia. Mereka mengatakan bahawa data empiris, di samping data sejarah, memberikan bukti yang cukup terhadap hakikat bahawa masyarakat-masyarakat manusia secara beransur-ansur bergerak ke arah kesempurnaan, dan setiap hari manusia mengorak langkah baharu menuju ke arah kehidupan yang berperadaban. Mereka menyebut tentang hasil-hasil perbincangan psikologi, undang-undang, sosiologi dan malah falsafah, terutama sekali tentang teori materialisme dialektikal, untuk membuktikan bahawa oleh kerana masyarakat-masyarakat manusia tidak tinggal dalam suatu keadaan yang beku, maka dengan cara yang sama undang-undang yang dikuatkuasakan itu juga tidak boleh tinggal begitu sahaja tanpa dipinda.

Mereka menghujjah bahawa undang-undang yang mungkin telah menjamin kebajikan manusia primitif yang memakan buah-buah hutan dan yang tinggal di dalam gua-gua batu, tidak

akan cukup bersedia untuk tujuan menjalani kehidupan yang sofistikated dalam zaman moden. Betapakah undang-undang yang telah dirumuskan sewaktu manusia masih lagi menggunakan belantan dan lembing ketika berjuang, mampu menghadapi suatu bentuk kehidupan berbudaya dan banyak menggunakan kehebatan akal fikiran seperti dalam zaman kita yang dilengkapi dengan bom nuklear yang paling sofistikated? Dapatkah undang-undang yang diuntukkan bagi zaman manusia mengembara dengan menggunakan kuda dan kaldai itu dapat memberikan manfaat kepada manusia yang telah biasa menggunakan kapalterbang dan kapalselam berkuasa nüklear?

Ia bermakna bahawa dunia moden tidak menerima, atau seharusnya diharapkan untuk menerima undang-undang dan peraturan-peraturan yang menjadi milik zaman kuno. Seterusnya, undang-undang yang telah dirumuskan oleh masyarakat-masyarakat lampau haruslah tertakluk kepada perubahan yang tetap yang berhubung dengan keadaan-keadaan manusia yang berubah. Sebagai hasil dari perubahan dalam nilai-nilai yang praktikal, norma-norma moral juga perlu diperbaharui; oleh kerana moral itu tidak lebih daripada satu siri kebiasaan psikologi yang menjadi stabil disebabkan oleh amalan yang berulang-ulang.

Kehidupan sederhana dua atau tiga ribu tahun yang lampau tidak memerlukan sistem politik yang rumit seperti hari ini. Bolehkah wanita dalam masyarakat moden ini menjalani hidup suci seperti yang terdapat di kalangan wanita-wanita berpurdah di zaman silam? Malah para buruh dan petani dan lain-lain kelas pekerja dalam dunia hari ini tidak dapat diharapkan untuk memilikki perasaan sabar dan ketahanan yang ada dalam diri buruh-buruh zaman lampau. Pemikiran revolusionari yang gelisah, yang berada dalam suatu zaman penaklukan angkasa lepas, tidak dapat diharapkan untuk berasa gerun terhadap gerhana-gerhana matahari dan bulan atau angin hitam dan menyebabkan mereka putus harap dan menyerah kepada Kehendak Tuhan?

Ia bermakna bahawa masyarakat manusia, dalam setiap zaman, memerlukan undang-undang dan moral supaya sesuai dengan suasana zaman itu.

Undang-undang dari Pendekatan Islam

Islam, sebaliknya, dengan siri undang-undang tertentu, dapat mendakwa untuk memberikan jaminan kepada kesempurna-

an, kepuasaan kepada keperluan dan kebahagian masyarakat manusia. Sebenarnya, "Islam" ialah nama suatu kaedah dan sistem peraturan seperti itu.

Terbuktilah bahawa suatu pendekatan seperti itu dan suatu sistem undang-undang seperti itu adalah diserukan untuk mengatur pendekatannya dengan keperluan setiap zaman. Salah satu daripada contoh-contoh yang teratur sistem ini ialah amalan yang dilakukan oleh Rasulullah (SAW) dan sekumpulan undang-undang yang telah dilaksanakan oleh baginda dalam zaman baginda.

Dalam zaman-zaman yang lain, pengalaman Islam yang teratur juga memperlihatkan pendekatan yang terbaik dan tulen terhadap hidup yang dapat meningkatkan minat masyarakat manusia zaman itu dengan berkesan. Ini dapat menjelaskan hakikat bahawa jawaban kepada soalan yang telah ditimbulkan oleh seorang sarjana Barat mengenai kemampuan Islam untuk menampung keperluan yang berubah-ubah bagi setiap epok – berdasarkan kepada hakikat bahawa soalannya itu adalah berdasarkan kepada suatu asas saintifik yang sahih – adalah positif. Bagaimanapun, sepertimana yang telah diterangkan, dia memandang Islam sebagai suatu sistem doktrin Ketuhanan yang tetap, yang walaupun disebabkan oleh sifat abadinya, mendakwa untuk menjamin dapat mengisi segala keperluan dalam setiap zaman.

Bagaimanapun, kita harus mengkaji sama ada Quran yang Suci itu, yang menjadi Kitab wahyu Islam, dan pentafsir paling baik pengakhiran agama Ketuhanan, mentafsirkan makna 'kerasulan' dan 'agama' berdasarkan kepada sosial, psikologi, falsafah dan alasan material yang memerlukan satu kumpulan undang-undang yang berasingan yang sesuai dengan jiwa setiap zaman; atau apakah ia meletakkan satu kumpulan undang-undang yang tetap dan tidak berubah-ubah dan norma-norma moral dan tanggungjawab manusia yang tetap dalam semua zaman; dan jika yang kemudian itu sebenarnya dari sudut pandangan Quran, bagaimanakah ia dapat mewajarkan dakwaannya untuk mengisi semua keperluan setiap zaman?

Apakah Quran mengkehendakki bahawa masyarakat-masyarakat manusia harus secara beransur-ansur mencapai keadaan statik yang telah ditetapkan, dan bahawa semua pintu kemajuan harus tertutup terhadap tamadun manusia? Adakah Quran mahukan segala bentuk kegiatan pembangunan dan kemajuan

manusia itu dihentikan sama sekali? Dan bagaimanakah ia menghadapi cabaran aliran alam semulajadi dan sistem kosmos yang sentiasa berubah, di mana manusia dan masyarakat adalah menjadi sebahagian daripadanya?

Apa yang pasti ialah bahawa Quran memperkembangkan kedudukan agama wahyu sebagai berasal dari dunia yang ghaib (**'alam al-ghayb).** Ia mengaitkan mesejnya ke sistem total penciptaan dan sawarjagat yang terus menerus berubah. Dalam waktu yang sama ia dengan jelas menyatakan ketetapan, sifat tidak berubah dan kekekalan bahagian-bahagian agama. Quran mentafsirkan kebaikan, kebahagiaan dan nasib malang seseorang individu atau sesebuah masyarakat dengan cara yang berbeza dari pandangan seorang sarjana Barat. Isu-isu ini apabila dikaji dari pandangan Qùran mengambil bentuk yang agak berlainan dari apa yang kelihatan melalui kaca mata perbincangan secara material.

Quran menganggap undang-undang Islam dan pendekatan Islam sebagai satu siri prinsip yang memandu sistem penciptaan dan terutamanya masyarakat manusia dengan sifatnya yang terus menerus berubah dan berkembang — yang ia sendiri adalah sebahagian daripada alam semulajadi. Dengan lain-lain perkataan, Quran menganggap Islam menjadi satu siri prinsip yang cukup sesuai dengan hukum-hukum penciptaan, dan yang demikian, undang-undang ini samalah tidak berubahnya dengan sifat semulajadi itu sendiri. Undang-undang ini mengandungi kebenaran; ia tidak tertakluk kepada hasrat dan keinginan sebarang orang, tidak seperti undang-undang dan statut negara-negara dengan regim-regim yang bersifat kukubesi dan kejam, tidak juga seperti undang-undang dalam negara-negara demokrasi yang bertakluk kepada kehendak bilangan terbesar. Undang-undang Islam telah dirumus sesuai dengan sistem penciptaan sawarjagat, dan seluruhnya adalah bergantung kepada kehendak Tuhan seru sekalian alam ini.

Bagaimana Islam Memenuhi Tuntutan Setiap Zaman?

Dalam perbincangan mengenai masyarakat hakikat ini telah cukup ditegaskan bahawa ia berdasarkan kepada keperluan hidup dan disebabkan oleh ketidak-mampuan individu untuk menampung semua tuntutan berseorangan itulah yang menyebabkan manusia memilih suatu kewujudan sosial. Bagitu juga,

kita sering mendengar dalam perbincangan kehakiman bahawa sebuah masyarakat boleh memuaskan secara jujur keperluan-keperluan penting anggota-anggota individu hanya apabila ia dapat merumuskan satu kumpulan undang-undang dan peraturan-peraturan yang bersesuaian dengan keperluan-keperluan mereka, supaya dengan itu setiap anggota masyarakat boleh mendapat haknya yang sebenar dan mendapat faedah daripada hasil kewujudan bersama itu.

Dari segi kedua-dua pengertian ini, asas utama undang-undang sosial ialah pengisian keperluan-keperluan kehidupan manusia yang asas, yang tanpanya, manusia tidak boleh, walau dalam sesaatpun, meneruskan kewujudannya. Pengisian keperluan asas inilah yang mengakibatkan secara langsung dalam pembentukan sebuah masyarakat dan perumusan undang-undang dan peraturan. Ternyata, sebuah masyarakat di mana tidak adanya usaha-usaha bersama untuk mengisi keperluan-keperluan asas, dan di mana tidak wujud saling hubungan terhadap kegiatan-kegiatan di kalangan anggota-anggotanya, maka kumpulan seperti itu tidak layak dipanggil sebagai sebuah 'masyarakat'. Bagitu jugalah, undang-undang dan peraturan yang kewujudan dan perlaksanaannya tidak meninggalkan kesan ke atas pengisian keperluan-keperluan sosial manusia, tidak berfaedah untuk dipanggil sebagai 'undang-undang' iaitu, satu set peraturan yang mengawal kepentingan sosial yang terpenting. Kehadiran undang-undang yang bolehlah dikatakan mengisi keperluan masyarakat, yang pada keseluruhannya, dapat diterima oleh anggota-anggota masyarakat itu, adalah perlu walau kepada masyarakat-masyarakat yang paling mundur atau gasar sekalipun. Bagaimanapun, dalam masyarakat-masyarakat primitif undang-undang dan peraturan-peraturan merupakan hasil pancaran adat resam dan tradisi, yang muncul secara beransur-ansur dari tingkah-laku hidup berkumpulan yang tidak tetap dalam waktu lampaunya. Ada kalanya, dalam masyarakat-masyarakat seperti itu, undang-undang adalah dipaksakan ke atas orang ramai melalui kehendak yang sewenang-wenang seorang atau lebih individu yang berkuasa, yang mengakibatkan penubuhan suatu asas yang jelas bagi pengaliran kehidupan sosial yang dapat diterima oleh bilangan majoriti. Hari inipun, kita masih dapat melihat golongan orang seperti ini di berbagai-bagai tempat di dunia yang mengekalkan adat resam, kebudayaan dan tradisi mereka tanpa

menghilangkan struktur kehidupan sosial mereka.

Dalam sebuah masyarakat yang maju, kalaulah masyarakat itu merupakan masyarakat beragama, Hukum Ketuhanan dilaksanakan. Jika ia sebuah masyarakat sekular pula, undang-undang dirumus dan dilaksanakan melalui persetujuan orang ramai, yang diamalkan sama ada secara langsung atau tidak langsung, adalah dilaksanakan. Tidak ada masyarakat yang wujud, atau dapat wujud, di mana anggota-anggotanya tidak terikat kepada undang-undang, tanggungjawab dan tugas-tugas tertentu.

Bagaimana Menentukan Keperluan-keperluan ini?

Jelaslah bahawa sebab utama yang bertanggungjawab terhadap perumusan undang-undang dan peraturan itu ialah untuk mengisi keperluan-keperluan sosial kehidupan manusia. Tetapi timbul soalan: Apakah keperluan-keperluan itu? Bagaimana ia dapat dikenal pasti?

Syarat-syarat ini secara langsung atau tidak langsung mestilah tunduk kepada penentuan oleh manusia walau betapa kasar dan umum penentuan itu sekalipun. Kita juga berhadapan dengan soalan sama ada manusia itu ada kalanya melakukan kesilapan dalam menentukan tugasnya dan caranya untuk mencapai kebahagiaan. Apakah kita harus menerima jangkaan dan pertimbangannya begitu sahaja?

Sebahagian besar manusia dalam apa yang dipanggil dunia progressif menimbangkan tentang kehendak dan hasrat manusia sebagai asas yang jujur dan menasabah bagi perumusan undang-undang. Tetapi oleh kerana mustahil bahawa semua individu yang tergolong ke dalam suatu bangsa itu berfikir dengan cara yang sama, persetujuan majoriti (iaitu 50 peratus + 1) tidak dapat dielakkan dan dianggap sebagai muktamad. Pandangan minoriti (iaitu 50 peratus — 1) tidak dianggap perlu, dan ia dihalang daripada kebebasan bertindak sama sekali.

Bagaimanapun, tidaklah dapat dinafikan bahawa ketetapan dan kehendak manusia adalah berkaitan secara langsung kepada keadaan hidup. Seorang yang kaya adalah dibekalkan dengan semua keperluan kehidupan, dapat memuaskan sejumlah besar hasrat yang beraneka ragam yang tidak pernah termimpikan oleh seorang yang papa. Seorang yang sedang kebuluran dan yang telah kehilangan daya kawalannya, hanya mahukan makanan sahaja; sama ada makanan itu lazat atau tidak, sa-

ma ada makanan itu menjadi miliknya atau milik orang lain, tidak menjadi soal kepadanya. Tetapi seorang yang mewah mungkin tidak menghiraukan walau makanan yang paling lazat sekalipun terhidang di hadapannya. Dalam zaman kemakmuran, manusia lebih banyak berkhayal-khayal daripada di waktu zaman susah.

Dengan cara ini, corak keperluan itu berubah disebabkan oleh kemajuan orang ramai; sementara keperluan-keperluan manusia sebelumnya dapat dipenuhi dengan kemaraan tamaddun keperluan-keperluan baharu pula lahir untuk menggantikan keperluan-keperluan yang lama. Dengan perubahan keadaan, manusia telah mengatasi undang-undang dan memerlukan undang-undang baharu atau menuntut supaya dilakukan pindaan kepada undang-undang yang lama. Dengan cara ini, di kalangan negara-negara yang wujud di dunia, undang-undang yang baharu sentiasa sahaja menggantikan yang lama. Seperti yang telah disebutkan, kehendak dan sokongan majoriti anggota-anggota setiap negara itulah yang memberikan keabsahan kepada undang-undang dan memetrainya dengan cap mohor pihak yang berkuasa, biarpun perumusan undang-undang itu mungkin tidak menjadi kepentingan masyarakat itu.

Umpamanya, seorang bangsa Perancis kerana asal-usulnya berbangsa Perancis, ialah seorang anggota masyarakat Perancis dan yang kehendak dan pandangannya dihormati jika ia selaras dengan kehendak dan pandangan masyarakat. Undang-undang Perancis itu dirumus untuk ditujukan kepada dirinya sebagai orang Perancis abad dua puluh; tidak seperti orang Inggeris sezaman atau orang Perancis dalam abad kesepuluh yang lampau. Walau bagaimanapun, tidakkah ada faktor-faktor tetap dalam pola-pola yang berbagai keperluan manusia yang mengubah kemaraan peradaban? Tidakkah ada faktor-faktor bersama di kalangan masyarakat manusia yang telah wujud dalam berbagai-bagai epok sejarah? Adakah lapisan bawah kemanusiaan yang asas, yang kepadanya satu siri keperluan hidup secara semulajadi dihubungkan, menjalani suatu perubahan yang tidak dapat diubah walaupun secara beransur-ansur? Adakah nenek moyang kita yang wujud lama dahulu berbeza secara fisiologi dari kita? Adakah peristiwa-peristiwa seperti peperangan dan pertumpahan darah, atau zaman aman dan harmoni, mempunyai sebarang kesan selain dari apa yang ditujukan kepada kita

hari ini? Apakah kesan arak dan bentuk kemabukan dalam zaman lampau itu mempunyai suatu kualiti berbeza dari apa yang kita lihat hari ini? Apakah gubahan muzik zaman lampau memberikan beberapa jenis keseronokan yang berbeza daripada yang mereka berikan hari ini? Secara ringkasnya, apakah struktur dalaman dan luaran manusia zaman lampau daripada manusia zaman sekarang? Ternyata, jawaban kepada semua soalan ini adalah negatif.

Kita tidak boleh mengatakan bahawa kemanusiaan secara beransur-ansur telah berkembang menjadi sesuatu yang berlainan daripada bentuk sebelumnya. Kita juga tidak boleh mengatakan bahawa intisari kemanusiaan — yang menjadi faktor bersama antara ras kulit putih dengan ras kulit hitam, antara yang bijak dengan yang tolol, antara yang tua dengan yang muda, antara orang yang tinggal di bahagian tropika dengan mereka yang tinggal di bahagian Kutub, antara orang zaman lampau dengan orang zaman sekarang — telah berubah dari segi pola keperluan biasanya.

Tentulah keperluan-keperluan tertentu yang memerlukan satu siri peraturan yang tetap dan kekal yang tidak ada kena mengenanya dengan peraturan yang tertakluk kepada pemindaan dan perubahan. Tidak ada bangsa di dunia yang tidak akan memilih untuk berjuang dalam peperangan apabila kewujudannya diancam oleh musuh, dan apabila musuh itu tidak boleh diundurkan kecuali hanya melalui pertumpahan darah. Tidak ada suatu bangsapun, misalnya, yang akan menghalang rakyatnya daripada memakan makanan atau mengharamkan hubungan seksual sama sekali. Banyak contoh seperti itu dapat diberikan di sini, dan semua contoh itu membuktikan betapa perlunya undang-undang yang tidak berubah-ubah yang bebas daripada jenis undang-undang yang tertakluk kepada perubahan. Kenyataan di atas itu memberikan beberapa rumusan ke atas beberapa perkara tertentu:

1. Sebab utama yang bertanggungjawab menyebabkan wujudnya masyarakat, undang-undang sosial dan perundangan, ialah keperluan-keperluan kehidupan.
2. Semua bangsa di dunia, malah ras gasar sekalipun, mempunyai peraturan dan undang-undang mereka sendiri.
3. Cara menentukan keperluan hidup itu, dari pandang-

an moden, adalah melalui kehendak majoriti anggota-anggota masyarakat itu sendiri.

4. Kehendak majoriti tidak semestinya selaras dengan realiti dan kebenaran.

5. Terdapat jenis undang-undang yang tertakluk kepada pindaan menurut keadaan waktu oleh kerana undang-undang itu berkaitan dengan keadaan-keadaan tertentu. Tetapi terdapat pula suatu jenis undang-undang yang berhubung dengan "intipati kemanusiaan", yang menjadi faktor bersama di kalangan semua ummat manusia sepanjang masa, dalam semua keadaan di dunia dan di semua persekitaran dan keadaan di sekelilingnya. Undang-undang ini tidak berubah, tahan dan tetap.

Sekarang segala perkara itu telah dihuraikan, marilah kita tinjau apakah pandangan Islam pula:

Apakah Pandangan Islam?

Islam adalah suatu sistem undang-undang sawargajat yang tidak dirumuskan untuk mana-mana kumpulan manusia yang khusus atau untuk suatu jangka waktu yang tertentu. Dalam ajarannya, ia ditumpukan kepada 'manusia semulajadi'; iaitu, perhatiannya berpusat kepada struktur semulajadi manusia dan keadaan-keadaan seorang individu biasa, sama ada dia itu miskin atau kaya, kuat atau lemah, Arab atau bukan Arab, lelaki atau perempuan, bijak atau bodoh. 'Manusia semulajadi' ialah manusia yang mempunyai sifat asal, yang diberikan oleh Tuhan di samping suatu kesedaran luhur dan keazaman yang tidak dicemarkan oleh ilusi dan penyelewengan. Inilah apa yang kami panggil 'manusia semulajadi' itu. Tidaklah dapat dinafikan bahawa sifat yang membezakan di antara manusia dengan lain-lain haiwan terletak kepada inteleknya; sedangkan haiwan pula tidak menikmati pemberian Tuhan ini.

Segala kegiatan organisme hidup, kecuali manusia, adalah tertakluk kepada kehendak-kehendak naluri mereka. Naluri haiwan ini memandu dan merangsang haiwan-haiwan itu ke arah pengisian keperluan-keperluannya yang penting.

Manusia merupakan satu-satunya makhluk yang, di samping didorong oleh naluri yang berbagai-bagai perasaan dan emosi — adalah dilengkapi dengan kebolehan membuat pertimbangan, yang dapat memutuskan antara emosi dan tenaga yang bertentangan dan memilih jalan tindakan yang tepat walaupun

terdapat penentangan yang degil dari emosi dan nafsu. Ada kalanya kebolehan berfikir ini memutuskan untuk menentang suatu tindakan biarpun terdapat tekanan naluri dan emosi yang kuat; di suatu ketika yang lain pula, ia menyokong suatu tindakan walaupun terdapat ketidak-sediaan naluri dan nafsunya. Malah pada ketika yang lain pula, apabila keseluruhan kepentingan manusia itu selaras dengan tuntutan naluri dan emosi, ia mengesahkan tuntutan tersebut.

Asas Pandangan Islam

Oleh kerana pendidikan dan latihan setiap jenis makhluk harus didasarkan kepada penggalakan dan perkembangan ciri-ciri yang membezakannya, Islam telah mendasarkan pengajarannya kepada asas yang kukuh pemikiran manusia, bukan di atas asas perasaan dan nafsu yang tidak stabil. Inilah asas seruan Islam yang terbentuk dari kepercayaan ketuhanan yang tertentu, moral yang tinggi dan undang-undang yang praktikal, yang kebenaran dan kejujurannya disahkan oleh sifat semulajadi manusia yang asal, selaras dengan kebolehan intelek yang diberikan Tuhan yang bebas dari ilusi dan penyelewengan.

'Manusia Semulajadi'

Manusia, dalam keadaan semulajadinya yang tulen, merasa melalui sifat semulajadi asli yang diberikan Tuhan bahawa sawarjagat yang maha luas ini, dari benda yang sehalus-halusnya hinggalah kepada cakrawala yang paling besar dengan sistem hukumnya yang tepat dan mengkagumkan, mengakui asalnya daripada Tuhan yang Satu. Dia sendiri dengan jelas mengatakan bahawa semua benda itu wujud kerana kudratNya; fungsi mereka, pekerjaan mereka — malah setiap yang mengikuti ciptaan mereka — adalah perbuatan Tuhan belaka.

'Manusia semulajadi' merasakan bahwa kewujudan dunia ini, dengan segala fragmen, dengan sendirinya merupakan suatu kesatuan yang padu di mana semua bahagiannya adalah saling berhubungan antara satu dengan lain. Setiap benda berkaitan dengan yang lain-lain, dan merupakan suatu kesesuaian yang sempurna dan perpaduan wujud di kalangan mereka.

Dunia manusia ini hanyalah suatu bahagian yang kecil sahaja daripada kosmos yang agung, suatu titik dalam laut luas dan tiada tepinya; tetapi ia adalah suatu fenomena yang kewujudan-

nya terpaksa dikongsi oleh seluruh sawarjagat. Ia adalah hasil dari seluruh sawarjagat, yang menjadi ciptaan Kehendak Ketuhanan.

Oleh kerana ummat manusia ini adalah keturunan ciptaan dunia dan dia hidup dan berkembang di bawah pimpinan dan panduannya, maka sistem penciptaanlah yang dengan menggunakan berbagai-bagai cara yang di luar kemampuan kuasa dan kebolehan manusia, telah menciptakan manusia dalam bentuknya yang ada pada hari ini, dan telah membekalkannya dengan kesedaran, persepsi, kemampuan berfikir, kemampuan intelek dan emosi dan sifat-sifat luaran dan dalaman yang lain. Melalui cara-cara ini ia telah memandu kesedaran dan kehendaknya ke arah mencapai matlamat kebahagiaan yang sebenarnya, dan kemuncak kebaikannya.

Manusia adalah satu-satunya makhluk yang dapat membezakan antara yang baik dan yang jahat, antara kerugian dan keuntungan, melalui kesedaran dan keredhaannya. Yang demikian, dia adalah manusia bebas. Bagaimanapun, janganlah lupa bahawa dunia ciptaan ini samalah dengan Kudrat Tuhan dalam sawarjagat, Yang telah mengukir segala corak dalaman dan luaran dalam diri manusia, menjadikannya manusia yang bebas.

Manusia semulajadi, dengan pemikiran dan daya inteleknya, tidak syak lagi merasakan bahawa kebahagiannya, kegembiraannya dan matlamat sebenarnya dalam hidup ini adalah sama dengan matlamat yang ditentukan untuknya oleh Pencipta dunia yang telah mencipta dan membesarkannya. Penciptaan dunialah yang telah mengarahkan manusia ke arah matlamat dan tujuan terakhir yang telah ditentukan dan ditakdirkan untuknya oleh Tuhan yang Satu, yang telah memulakan semua insan dan kewujudan itu sendiri.

Berdasarkan kepada asas ini, manusia 'semulajadi' akan membuat pertimbangan bahawa satu-satunya jalan ke arah kebahagiaannya dalam hidup terletak pada pengimbangan dirinya dengan sistem penciptaan itu, dengan menganggap dirinya sebagai sebahagian daripadanya. Pertimbangannya ialah bahawa dia tidak mampu untuk mencuaikan situasinya sendiri dalam perspektif kewujudan, atau melupakan akan tugas-tugas yang telah diberikan kepadanya di dalam buku ciptaan itu.

Daripada tugas yang berbagai-bagai yang ditentukan untuknya dalam buku ciptaan ialah bahawa manusia tidak harus

merendahkan dirinya kepada makhluk-makhluk lain selain dari Tuhan yang Satu, dan bahawa segala perbuatan dan tindakannya yang dirangsang oleh emosi dan nalurinya hendaklah dilakukan di bawah kawalan takkulan dan tertakluk kepada keizinannya.

Undang-undang yang Tetap dan Yang Berubah

Undang-undang dapat dibahagikan kepada dua jenis yang nyata:

1. Undang-undang dan peraturan-peraturan yang melindungi keperluan penting manusia (dengan mengambil kira tentang hakikat bahawa manusia menjalani suatu kewujudan bersama, tanpa mengira modnya yang tertentu dalam setiap kawasan dan zaman).

Jenis undang-undang seperti ini, misalnya, berkaitan dengan suatu segi kepercayaan dan prinsip yang mengukuhkan pengabdian dan kerendahan manusia ke arah Penciptanya (oleh itu tidak ada kemungkinan perubahan dan pindaan), dan undang-undang umum yang berkaitan dengan aspek-aspek umum kehidupan manusia, seperti makanan, perumahan, perkahwinan, pertahanan, dan lain-lain, yang menjadi sifat umum kewududan sosial manusia.

2. Undang-undang dan peraturan-peraturan yang mempunyai aspek keduniaan, kerantauan dan setengah-setengah aspek lain dan berubah bentuknya dengan berbagai-bagai keadaan kehidupan. Jenis undang-undang seperti ini tertakluk kepada variasi mengikut kemajuan kebudayaan yang secara beransur-ansur dan perubahan-perubahan dalam keadaan sosial, dan memerlukan kajian semula dengan memansuhkan adat dan kaedah-kaedah lama dan dengan kemunculan yang baharu. Misalnya, dalam zaman ketika orang mengembara dengan berjalan kaki atau menunggang kuda dari satu tempat ke satu tempat yang lain, undang-undang yang sederhana sahaja sudah cukup untuk tujuan mengawal lalu-lintas. Tetapi hari ini dengan kemajuan dalam cara pengangkutan, kita memerlukan berbagai-bagai undang-undang yang kompleks untuk mengawal lalu-lintas di laut, darat dan udara.

Orang primitif, yang mempunyai cara hidup yang paling sederhana dan hanya memerlukan bahan-bahan mentah yang asas sahaja, hanya memerlukan undang-undang yang amat se-

derhana pula untuk memenuhi keperluan-keperluan asas dalam hidupnya, seperti makanan, pakaian dan tempat berteduh walaupun dia banyak menghabiskan waktu jaganya dengan membuat kerja-kerja yang berat. Dalam dunia moden ini, di mana kehidupan itu sendiri sepantas arus elektrik, berbagai kerja dan profesyen yang memerlukan kepantasan wujud disebabkan oleh berbagai-bagai kerja. Pembahagian kerja ke dalam beribu-ribu jenis profesyen telah mengakibatkan terumusnya beribu-ribu peraturan, dengan beberapa banyak peraturan ditambah pada setiap hari.

Islam, yang menumpukan perhatian pendidikannya kepada manusia 'semulajadi' dan yang melalui seruannya memimpin masyarakat manusia ke arah kesalihan, kebaikan dan ketulenan kepercayaan, tindakan dan tujuan, mendasarkan perancangannya kepada kemurniaan keintelektualan manusia 'semulajadi' yang tak tercemar ini. Seterusnya ia telah membahagikan undang-undang dan peraturan manusia ke dalam dua kelas: kelas pertama iaitu undang-undang yang tetap, yang berdasarkan kepada sifat asli manusia itu dan ciri-ciri yang anih kepada jenisnya. Kelas undang-undang ini dinamakan "Syariah Islam". Undang-undang ini memimpin manusia ke arah matlamat kebahagiannya yang paling tinggi.

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفاً فِطْرَتَ اللهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ...

Maksudnya: *Maka hadapkanlah dirimu ke arah ugama yang jauh dari kesesatan; "ugama Allah" — iaitu ugama yang Allah menciptakan manusia untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah ugama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*

(Al-Ar-Rum 30)

Kedua, haruslah diingati bahawa penentuan kelas undang-undang jenis kedua ini, yang boleh dipinda dan boleh ditentukan mengikut keadaan tempat dan waktu yang berubah, telah ditujukan kepada institusi **al-wilayah al-ammah** (penjagaan umum), dan tertakluk kepada pandangan Rasul Islam (S) dan pengganti-penggantinya (A), dan mereka yang dilantik oleh baginda. Undang-undang dan peraturan-peraturan ini adalah dirumuskan oleh **al-wilayah,** dari segi undang-undang keagamaan

yang kekal, selaras dengan kehendak hubungan dan keduniaan, dan dikira sebagai sebahagian dari hukum Ketuhanan, undang-undang Syariah, dan tidak dianggap sebagai sebahagian dari "al-Din":

يٰا اَيُّهَا الَّذينَ اٰمَنُوا اَطيعُوا اللّٰهَ وَاَطيعُوا الرَّسُولَ وَاُولى الاَمْرِ مِنْكُم...

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Uli'l-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.*

(Al-An-Nisaa': 59)

Secara ringkas, inilah jawapan Islam berhubung dengan soalan pengisian keperluan sebenar setiap zaman. Masalah ini memerlukan huraian yang panjang lebar dan penyelidikan yang lebih mendalam. Ini akan kita bincangkan dalam bahagian selanjutnya.

Undang-undang yang Tetap dan yang Berubah-ubah Dalam Islam

Dalam bahagian sebelumnya kita telah tahu bahawa Islam telah membahagikan undang-undang ke dalam dua kumpulan: yang tetap dan yang berubah-ubah.

Undang-undang yang tetap ialah yang telah dirumuskan yang mencakupi sifat semulajadi manusia, iaitu sifat semulajadi manusia sawarjagat, yang biasa kepada yang bertamaddun atau yang tidak bertamaddun, hitam atau putih, kuat atau lemah, manusia dalam setiap agama, dan dalam setiap zaman. Oleh kerana manusia itu diciptakan sama dengan struktur kemanusiaan, dengan kemampuan berfikir dalaman dan luaran dan organ yang sama, apabila dua orang atau lebih manusia membuat hubungan dengan yang lain dan cuba untuk bekerjasama dengan yang lain untuk menjalin persahabatan untuk dibezakan sebagai suatu entiti sosial, dan oleh kerana mereka itu tidak dapat tidak menghadapi masalah-masalah yang sama apabila mereka cuba untuk mengatasinya dengan usaha bersama, persamaan berbagai-bagai faktor ini dalam bentuk dan keperluannya memerlukan suatu siri peraturan yang baku yang dapat dikenakan kepada semua individu dalam kumpulan itu.

Kemampuan pemahaman intelektual adalah sama sahaja di kalangan semua manusia. Pertimbangan rasional mereka, asalkan ilusi dan ketahyulan tidak mengganggu takkulan

mereka, juga adalah sama. Kemampuan mental dan pemikiran kritis perlu dipuaskan melalui pembuktian yang sama. Bagitu jugalah, berbagai perasaan, seperti cinta dan benci, harapan dan kebimbangan, keperluan untuk makan, pakaian, tempat perlindungan dan hubungan seks, semuanya itu wujud di kalangan individu manusia dan perlu untuk dipuaskan dengan cara yang sama bagi setiap individu. Berdasarkan kepada sifat manusia yang sama ini, tidaklah dapat dikatakan bahawa mengatasi kelaparan itu dibenarkan kepada seseorang tetapi dilarang pula kepada yang lain. Ataupun ia dikatakan, sementara seorang itu haruslah tunduk kepada pertimbangan takkulannya, yang seorang lagi pula haruslah tidak menghiraukan langsung kehendak gerak hatinya.

Selanjutnya, tidaklah boleh dikatakan bahawa sifat semulajadi manusia, biarpun hubungannya dengan emosi, pemikiran dan kesedaran yang khusus kaitannya dengannya telah berabad-abad lamanya, harus diasingkan untuk suatu jangka waktu dengan kesedaran ataupun tidak menghiraukannya langsung untuk selama-lamanya. Bolehkah seseorang itu mengusulkan bahawa manusia itu harus hidup secara berkelompok dalam suatu jangka waktu dan menjalani hidup bersendirian di waktu yang lain, atau seseorang itu harus mempertahankan dirinya pada suatu waktu dan menyerah tanpa syarat kepada musuhnya, atau seseorang itu harus bekerja dan melakukan kegiatan pada suatu waktu dan memilih untuk berdiam diri sahaja di waktu yang lain?

Ini dengan nyata membuktikan bahawa masyarakat manusia, secara semulajadi, memerlukan satu siri undang-undang yang tetap dan undang-undang yang seragam.

Melalui perutusan agama, hakikat inilah yang cuba hendak disampaikan oleh Islam, dan tidak lain. Katanya, tidak ada yang lain selain daripada satu siri undang-undang dan peraturan-peraturan seperti itu yang selaras dengan sistem umum penciptaan dan ciptaan ummat manusia yang khusus, boleh mengisi keperluan-keperluan terpenting kewujudan manusia.

Ia meminta manusia supaya menumpukan gerak hati dan kesedaran yang diberikan oleh Tuhan itu untuk menghalang setiap bentuk rangsangan hawa-nafsu, sikap berubah-ubah, ketidak mampuan dan kedegilannya mempengaruhi pertimbangan-

nya, dan mematuhi apa saja yang telah ditentukan sebagai yang benar dan tepat. Kita tidak harus terus menganggap bahawa penerimaan satu siri kebenaran itu sebagai 'peniruan', atau kita harus meniru nenek moyang kita secara membabi buta dengan nama 'kebanggaan kebangsaan' atau 'adat resam dan tradisi kebangsaan yang zaman berzaman'. Juga kita tidak boleh mengecap sifat ketuhanan dan kesedaran kebenaran itu sebagai "konservatisme", ataupun menyerahkan diri kita kepada sekumpulan pemabuk kuasa, menjadi alat kepada hawa nafsu, dan sebagai akibatnya, kita membenarkan diri kita kepada pemujaan beratus-ratus 'dewa' yang dibina sendiri oleh manusia. 'Islam' (harfiahnya: penyerahan) adalah nama agama ini, pada asasnya ia menyeru menusia supaya mengabdi kepada Tuhan yang Satu sahaja, iaitu Pencipta sawarjagat ini dan menyeru kepada pengabdian ke arah kebenaran. Seruan ini, yang dalam bentuknya yang lebih luas, mengandungi suatu siri kepercayaan, moral dan undang-undang yang ditentukan sebagai kewajiban yang harus dipatuhi oleh manusia.

Harus ditegaskan bahawa unsur-unsur kesemua tiga aspek agama — iaitu kepercayaan, moral dan hukum — adalah saling kait berkait dengan sempurna antara satu dengan yang lain dan juga dengan sistem penciptaan yang agung. Bagaimanapun, suatu perbincangan yang panjang lebar mengenai saling hubungan yang mengkagumkan dan kesempurnaan harmoni ini, pertalian dan perpaduan antara berbagai-bagai aspek pengajaran Islam adalah di luar ruang lingkup perbincangan ini. Dalam perbincangan ini tujuan utama kita ialah untuk membuktikan bahawa Islam memilikki satu siri undang-undang yang tetap.

Undang-undang yang Berubah Dalam Islam

Sepertimana manusia memerlukan satu siri undang-undang tetap dan berterusan dan bertujuan untuk mengatur keperluan-keperluan yang sama dan kekal penerimaan, begitu jugalah mereka itu memerlukan sebilangan undang-undang yang berubah-ubah yang tanpanya masyarakat manusia tidak boleh meneruskan kewujudannya dengan stabil. Jelaslah, sementara kehidupan 'semulajadi' manusia itu hampir semuanya sama disebabkan oleh struktur yang sama dan kekal, keperluan-keperluan keduniaan dan hubungan mereka tertakluk kepada perubahan-perubahan secara mendadak atau secara beransur-ansur.

Oleh kerana keadaan dan persekitaran masyarakat-masyarakat manusia itu berubah secara beransur-ansur mereka mengubah diri mereka untuk menyesuaikan dengan keadaan-keadaan yang berubah, yang demikian ia menimbulkan keperluan mengadakan perubahan-perubahan tertentu dalam undang-undang yang berkaitan. Dalam konteks undang-undang dan peraturan-peraturan seperti itulah Islam mengakui akan keperluan suatu prinsip. Berdasarkan kepada hakikat ini, pengawal Hukum **(wali)** telah diberikan kuasa untuk melakukan mana-mana perubahan yang perlu dalam berbagai-bagai zaman dan untuk manusia di kawasan-kawasan yang berlainan, apabila dia merasakan perubahan itu perlu dibuat. Ini boleh dibuat tanpa mengubah undang-undang yang kekal sementara ia dapat memuaskan tuntutan masyarakat manusia.

Penjelasan Pandangan Ini

Dengan cara yang sama ketika suatu anggota sebuah masyarakat Islam bebas untuk membelanjakan pendapatannya dengan cara apa pun yang disukainya (tentulah dalam lingkungan batas Undang-undang dan selaras dengan kriteria taqwa dan pengabdian kepada Tuhan; iaitu dia itu bebas menggunakan harta bendanya dengan apa cara yang disukainya, untuk menambah atau menghadkan, untuk meningkatkan atau mengurangkan tahap dan skop cara hidupnya, untuk mempertahan dan mendapatkan haknya atau harta bendanya atau untuk melepaskan atau membiarkannya, untuk menjalankan mana-mana profesyen atau pekerjaan yang disukainya dan waktu dan keseringan dia melakukan pekerjaan dan kegiatan itu), bagitu juga **wali** Islam, dalam kedudukannya sebagai penjaga hal ehwal Muslim, yang kuasanya ditentukan oleh Islam, dengan restu **wilayah** ke atas sesuatu kawasan, mengendalikan hal ehwal sosial mereka; dia mewakili kehendak dan kesedaran sosial, dan dia bebas menjalankan budibicaranya dalam hal ehwal sosial, seperti individu dalam hal ehwal kehidupannya sendiri.

Dia diberi kuasa, dari segi undang-undang agama yang tetap dan dengan rasa taqwa, untuk menggubal undang-undang dalam soal-soal yang berkaitan dengan jalanraya, pengangkutan, perumahan, perdagangan, dan lain-lain. Dia boleh mengambil keputusan untuk berperang atau mengenai pertahanan, dan, apabila perlu, dia boleh memerintahkan penggembelingan ang-

katan bersenjata; atau, jika dia memutuskan bahawa pertahanan bersenjata tidak memberikan kepentingan dalam masyarakat Islam, dia boleh memerintahkan penyelesaian permusuhan dilakukan melalui perundingan, penyelesaian dan menanda-tangani perjanjian-perjanjian yang sesuai.

Dia boleh, misalnya, melaksanakan satu perancangan untuk pembangunan kebudayaan yang berkaitan dengan keagamaan dan lain-lain hal, dan melancarkan gerakan secara besar-besaran; atau, jika dia merasakan perlu, membatalkan program-program tertentu dalam setengah-setengah bidang dan memajukan yang lain untuk menggantikan program itu.

Ringkasnya, semua peraturan baharu yang boleh mendatangkan faedah dalam kemajuan kehidupan sosial sebuah masyarakat dan menjadi kepentingan Islam dan masyarakat Islam, semuanya diletakkan di bawah kuasa **wali al 'amr**. Tidak ada batasan langsung dalam penggubalan dan perlaksanaannya. Bagaimanapun, sungguhpun undang-undang seperti itu wajib dikuatkuasakan, dan kepatuhan kepada **wali al-amr** itu suatu kemestian, dalam waktu yang sama, undang-undang ini tidaklah dianggap sebagai sebahagian Syariah, atau Hukum Ketuhanan. Asas-asas perundangan undang-undang seperti ini adalah tuntutan keadaan dan persekitaran, yang menyeru kepada perumusan undang-undang itu. Seterusnya, apabila asas kerana perumusannya tidak ada lagi, maka kesahihannya juga turut terhenti. Dalam hal ini, adalah menjadi tugas **wali al-'amr** untuk mengumumkan di kalangan orang ramai tentang pemansuhan undang-undang lama dan penguatkuasaan undang-undang baharu yang sahih.

Tetapi perintah-perintah Ketuhanan yang membentuk **Syariah** adalah kekal dan abadi; **wali al-'amr** sendiri tidak mempunyai kuasa untuk membawakan perubahan kepadanya atas nama keperluan atau membatalkannya atas nama kemansuhan.

Penjelasan Kepada Keraguan Tertentu

Penjelasan yang ringkas mengenai undang-undang yang kekal dan berubah-ubah dalam Islam adalah cukup untuk membuktikan tentang betapa tidak berasasnya sebarang tuduhan yang dilemparkan kepadanya.

Setengah-setengahnya mengatakan bahawa jurang kehidupan sosial sekarang ini tidak boleh dibandingkan dengan kehidupan manusia empat belas abad yang lampau. Undang-un-

dang dan peraturan-peraturan yang mengawal sistem lalulintas dan pengangkutan hari ini sahaja adalah lebih banyak dan lebih meluas daripada jumlah undang-undang yang wujud dalam zaman Rasulullah (SAW) dahulu. Banyak daripada undang-undang yang wujud pada hari ini tidak semestinya digubal dalam zaman itu. Inilah sebabnya mengapa **Syariah** Islam yang tidak mengandungi peraturan-peraturan seperti itu sudah tidak relevan lagi dengan manusia hari ini.

Saudara-saudara kita itu tentunya tidak mempunyai maklumat yang cukup berhubung dengan Undang-undang Islam dan sangat jahil tentang undang-undang yang berubah yang ditentukan oleh Islam. Mereka memikirkan bahawa Islam, yang menjadi suatu rangkaian undang-undang tetap, cuba untuk mentadbirkan dunia yang tetap berubah dan berkembang ini dengan cara mereka. Dengan lain-lain perkataan, Islam, yang dilengkapi dengan pedang purba telah bangun untuk menentang sistem penciptaan yang tidak boleh dikalahkan itu; ia berhasrat untuk menghambat perubahan kebudayaan manusia yang tidak dapat dielakkan itu dan untuk menahan kemaraan waktu! Yang lain-lain pula pernah berkata evolusi sosial dan perubahan yang tidak dapat dielakkan itu memerlukan suatu pindaan dan perubahan secara beransur-ansur biarpun pada undang-undang yang 'tetap' itu sekalipun; yang demikian, undang-undang tetap Islam, jika kegunaan dan kekuatannya diakui, adalah baik untuk dilaksanakan hanya dalam zaman Rasulullah (SAW), dan bukan dalam semua zaman.

Saudara-saudara kita itu tidak begitu sungguh-sungguh dalam mengikuti pengajian undang-undang mereka. Mereka telah gagal untuk menginsafi bahawa dalam undang-undang awam yang ada di dunia, sentiasa terdapat bahan tertentu yang tidak tertakluk kepada perubahan. Tidaklah dapat dinafikan bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan dalam zaman lampau adalah berbeza daripada yang ada hari ini, dan, pada umumnya, akan berbeza pula dengan undang-undang di masa hadapan. Walau bagaimanapun, tetap akan ada aspek-aspek yang ada persamaannya dalam semua kod undang-undang dan yang tidak mungkin usang dan ketinggalan zaman. Bagaimanapun, sepertimana yang telah saya sebutkan dalam bahagian perbincangan sebelum ini proses perumusan undang-undang dalam Islam, sama ada ia berasal dari Wahyu Ketuhanan atau tidak — seperti dalam

keadaan undang-undang tetap — atau berdasarkan kepada majlis **(syura)** dan **al-wilayah** — seperti keadaannya dalam undang-undang yang berubah-ubah — adalah khusus berdasarkan kepada takkulan dan rasional, bukan kepada runtunan emosi dan prasangka majoriti yang tidak rasional. Bagaimanapun, biarpun begitu, pendekatan Islam dalam perumusan undang-undang tidak boleh dibandingkan dengan mod kerajaan dalam regim-regim sosial; Islam memilikki satu kumpulan undang-undang tetap, iaitu **Syariah** Ketuhanan, yang pemindaannya di luar kekuasaan pengawal masyarakat Islam **(awliya' al-umur).** Undang-undang **umum** syariah adalah wajib dalam semua keadaan dan persekitaran; hanya undang-undang tertentu sahaja yang boleh dipinda, berdasarkan kepada keperluan untuk mensesuaikannya dengan keadaan-keadaan sosal yang berubah dan untuk menjamin pengisian keperluan sosial yang berubah.

Kebanyakan sistem kerajaan mempunyai suatu undang-undang yang dipanggil 'perlembagaan', di mana kerajaan, atau senet, atau parlemen, diberi kuasa untuk melakukan perubahan dan pindaan ke atasnya. Ada undang-undang lain yang digubal sama ada oleh parlemen atau majlis perundangan atau sebagai pancaran dari pemikiran dan keputusan menteri-menteri kabinit. Hanya jenis undang-undang yang kemudian itu, berdasarkan kepada perlaksanaannya yang tertentu dan khusus, adalah tertakluk kepada perubahan dan pindaan selaras dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam sebuah masyarakat atau negara. Oleh kerana tidak dapat diharapkan dari perlembagaan sebuah negara untuk menafsirkan, misalnya, setiap butiran mengenai peraturan lalu-lintas atau membuat pindaan dan perubahan kepada undang-undang itu setiap bulan atau setiap tahun mengikut keperluan-keperluan yang berubah, maka bagitu jugalah dengan **Syariah** Ketuhanan ini, yang menduduki kedudukan yang telah ditentukan dalam sebuah perlembagaan, tidak harus mempunyai sebarang kod yang boleh banyak dipinda. Samalah seperti seseorang itu tidak mengharapkan perlembagaan sesebuah negara untuk meletakkan semua fasalnya menurut kehendak parlemen atau kerajaan untuk melakukan perubahan ke atasnya — walaupun fasal-fasal itu menegaskan kemerdekaan sesebuah negara dan asas sistem kerajaannya — demikian jugalah seseorang itu tidak harus mengharapkan bahawa undang-undang **Syariah** Ketuhanan, yang mempunyai keunggulan yang sa-

ma dengan undang-undang perlembagaan, tertakluk kepada pindaan dan perubahan.

Demikianlah kritikan pertama bahawa undang-undang Islam itu tidak sempurna dan didasarkan kepada prinsip yang tidak kena mengena dengan hari ini, terbukti tidak berasas sama sekali. Tuduhan kedua, yang menurutnya undang-undang harus dipinda dan undang-undang Islam adalah beku dan tetap, juga telah disanggah.

Dalam hubungan ini timbul satu soalan lagi, dan yang wajar kepada sanggahan kedua itu iaitu: Apakah benar bahawa di antara undang-undang yang wujud dalam masyarakat yang progressif terdapat bahan tertentu yang tidak boleh dimansuhkan **seluruhnya,** tetapi adakah undang-undang **Syariah** Islam dapat menjamin kebahagiaan masyarakat manusia dalam semua zaman dan sepanjang masa? Bolehkah peradaban moden meneruskan kemaraannya melalui amalan-amalan Islam seperti **salat, saum, hajj** dan **zakat?** Bolehkah undang-undang Islam seperti yang berhubungan dengan perhambaan, perkahwinan, bunga atas pinjaman, dan lain-lain undang-undang, dapat terus kekal tanpa pindaan dalam dunia hari ini? Soalan-soalan ini dan lain-lain pertanyaan yang serupa memerlukan satu siri perbincangan yang panjang lebar yang memerlukan tempat dan waktu yang lain.